

EON Bank guna MyKad

Permudah pemegang akaun buat pembayaran menjelang akhir tahun ini

>Oleh Wan Noriza Meor Idris

wannoriza@nsp.com.my

KUMPULAN EON Bank, merancang menggunakan kad pengenalan (Mykad) sebagai kaedah alternatif pembayaran mudah bebas tunai bagi pengguna akaunnya menjelang akhir tahun ini.

Ketua Bahagian Kad dan Pinjamannya, Aaron Tan berkata, ketika ini pihaknya sedang bekerjasama dengan ePetrol Holdings Sdn Bhd (ePetrol) dalam fasa membangunkan teknologi berkenaan.

Menurutnya, ketika ini piawai mencatat lebih 600,000 pemegang akaun semasa serta simpanan dan melalui teknologi baru itu mereka boleh membuat pembayaran di semua akses menggunakan MyKad.

Katanya, kini dunia teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) membolehkan semuanya diuruskan di hujung jari menerusi pelbagai peranti termasuk Internet.

"Jika sebelum ini, wang tunai adalah tuntutan paling utama untuk ke mana saja bagi membolehkan semua urusan berjalan sempurna, ia mula berubah kepada pengenalan sistem kad kredit, seterusnya berkembang kepada sistem kad debit dan akhirnya kini semua kad boleh digunakan dalam satu kad, iaitu Mykad bagi memudahkan penggunaan pelbagai akses."

"Penggunaan MyKad sebagai peralatan pembayaran masa kini adalah juga disebabkan dasar keselamatan kerana tidak mahu membawa terlalu banyak wang tunai."

"Oleh itu, ia dijangka berpotensi mendapat penerimaan masyarakat memandangkan MyKad sentiasa dibawa individu setiap masa," katanya selepas majlis pelancaran MyKasih dan Kumpulan EON menyebarkan semangat masyarakat prihatin dengan Cintai Jiran Anda, pasar raya Giant Kinrara, semalam.

Majlis disempurnakan Ketua Pengarah Eksekutif,



BANTU...Tan (kanan) menyerahkan replika cek kepada Pengurus MyKasih Foundation, Ngau Boon Keat sambil disaksikan Badlisham, semalam.

Multimedia Development Corporation (MDeC), Dato' Badlisham Ghazali. Hadir sama, Ketua Pegawai Operasi ePetrol, Jeff Perera.

Pada majlis itu, Kumpulan EON menyumbang bantuan RM50,000 kepada 50 keluarga kurang berkelebihmampuan di Puchong me-

lalui Program Amal bantuan makanan MyKasih.

Mengulas lanjut Aaron berkata, wang sumbangan berkenaan digunakan sebagai perbelanjaan asas runcit bagi 50 keluarga selama setahun dengan menggunakan MyKad sebagai alat pembayaran bebas tunai.

"Kami percaya bahawa gabungan antara teknologi dan nilai yang ditawarkan melalui pembelian di pasar raya besar seumpama ini berserta bengkel pengurusan kewangan oleh rakan kongsi kami akan membantu keluarga berkenaan menjalani kehidupan lebih baik," katanya.

Bursa Malaysia

| | | |
|------------|---------|--------|
| FBMLCI | 1066.36 | 0.53 |
| FBM Emas | 7172.25 | 15.12 |
| FBM2Board | 4673.09 | -3.65 |
| FBM-Mesdaq | 3887.98 | -38.77 |
| FBM100 | 6588.39 | 12.80 |

Kaunter Untung

| | | |
|------------|--------|-------|
| TOPGLOV | 6.800 | 0.350 |
| SHELL | 10.700 | 0.300 |
| FUTIFEC-WA | 0.340 | 0.260 |
| BAT | 44.750 | 0.250 |
| ASTRO | 3.380 | 0.200 |

Kaunter Cergas

| | | |
|----------|-------|-------|
| TALAM-FB | 0.075 | 0.005 |
| KNM | 0.760 | 0.020 |
| TALAM | 0.085 | 0.005 |
| UNELAND | 1.390 | 0.020 |
| TIME | 0.275 | 0.030 |

TUKARAN ASING

| | JUAN | BELIAN |
|----------------------|---------|---------|
| 1 Dolar AS | 3.5940 | 3.4650 |
| 1 Euro | 5.0150 | 4.8270 |
| 1 Pound Sterling | 5.9610 | 5.6460 |
| 1 Dolar Australia | 2.9180 | 2.7370 |
| 1 Dolar Singapura | 2.4730 | 2.3530 |
| 100 Royal Saudi | 97.410 | 90.200 |
| 100 Dolar Hong Kong | 46.9700 | 44.2100 |
| 100 Rupiah Indonesia | 0.0365 | 0.0310 |
| 100 Yen Jepun | 4.0500 | 3.6300 |
| 100 Baht Thailand | 11.2500 | 9.5300 |

MAS gantung perkhidmatan ke New York

PENERBANGAN Malaysia (MAS) akan menggantung perkhidmatan tiga kali seminggu dari Kuala Lumpur ke New York melalui Stockholm dan sebaliknya, mulai Oktober 2009.